

06 NOV 1997

DR MAHATHIR MENGENANG KEMBALI WAKTU MENJADI PELAJAR

SINGAPORE, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya mempunyai kenangan manis tentang kegembiraan, keakraban dan mereka yang membawakan buku untuk pelajar wanita daripada peristiwa didera pelajar senior semasa menuntut di sebuah universiti di sini.

Dr Mahathir daripada kumpulan kedua pelajar perubatan selepas perang di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura menulis satu perutusan peribadi dalam buku cenderahati sempena ulangtahun ke-50 perjumpaan bekas pelajar kelas 1947 di sini.

Beliau tiba pagi ini diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bagi perjumpaan itu dan menaiki sebuah kapal pada tengah hari untuk pelayaran ke Pulau Pangkor.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir mengimbas kembali zamannya sebagai pelajar dan sebagai kumpulan pelajar cemerlang yang dijangkakan lulus dengan mudah.

"Majoriti pelajar termasuk saya tidak begitu pasti.

"Saya selalu merasakan doktor-doktor adalah manusia yang amat istimewa, golongan bijak yang dilihat mengetahui perkara-perkara yang diluar pemahaman manusia biasa. Bolehkah saya menjadi seorang daripada mereka?"

"Bolehkah saya menjadi seorang daripada mereka, separa dewa, yang memakai kot putih berjalan di sepanjang koridor hospital dengan stetoskop tergantung dileher saya dan sekumpulan jururawat manis mengekori di belakang? Ia satu mimpi yang mustahil."

Beliau juga menulis bahawa adalah sesuatu yang mengembirakan dapat bertemu semula.

"Yang sedihnya tidak semua daripada kita dapat bertemu. Setengahnya telah meninggalkan kita...perpisahan suatu yang begitu mengusik jiwa. Tidak kurangnya dengan pertemuan semula, terutama selepas setengah abad lamanya."

-- BERNAMA

THG RON